

16 AUG 2000

PERDANA MENTERI LANCAR PERKAMPUNGAN HIBURAN PADA 8 SEPT

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan studio filem bernilai berjuta-juta ringgit dan kemudahan pengeluaran filem dekat Dengkil pada 8 Sept.

Dalam satu kenyataan hari ini, Entertainment Village Sdn Bhd berkata lebih daripada 500 tetamu termasuk anggota-anggota lembaga penasihat, Menteri Kabinet, duta-duta, personaliti filem dan pentas antarabangsa akan menghadiri pelancaran itu.

Kemudahan itu yang ditempatkan di kawasan seluas 800 hektar dijangka merangsangkan lagi pembangunan Koridor Raya Multimedia dan menandakan kemasukan Malaysia secara besar-besaran dalam pengeluaran filem dan industri hiburan.

Ini termasuk pentas suara raksaksa, lebih tinggi daripada kompleks studio Fox di Australia selain kemudahan studio maya dan teknologi.

-- BERNAMA

AT AHH PR